

BAB KEEMPAT

BAB IV

BIDANG KUASA DAN PERANAN KADI DI NARATHIWAT

Pendahuluan

Pada awal pemerintahan *khilafah Islamiyyah*, kuasa kehakiman berada di tangan khalifah, kemudian kuasa tersebut dilimpahkan kepada kadi-kadi yang dilantik sehingga ia menjadi satu tradisi yang diikuti oleh pemerintahan Islam berikutnya. Di Patani pula, walaupun berada di bawah pemerintahan bukan Islam, kehakiman Islam tetap dilimpahkan kepada kadi-kadi yang dilantik dengan batasan bidang kuasa tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang Thai. Untuk dihayati secara lebih jelas, penulis akan mengemukakan gambaran tentang struktur mahkamah sivil Thailand secara umum dan kewujudan mahkamah syariah dalam mahkamah berkenaan, supaya dengan itu dapat dilihat di mana kedudukan kadi pada hakikatnya. Sebagai fokus utama dalam bab ini, akan didedahkan sejauh mana peruntukan undang-undang Thai bagi membatasi bidang kuasa kadi dalam membicarakan kes-kes kekeluargaan dan pusaka orang Islam di wilayah-wilayah selatan. Bagaimanapun ada peruntukan undang-undang yang jelas, namun kedudukan dan realiti pelaksanaan kadi mungkin tidak berlaku mengikut semestinya. Hipotesis sedemikian akan lebih ketara jika diperhatikan secara dekat tentang bagaimana sesuatu kes itu dibicara oleh hakim sivil bersama kadi sebagai penasihat undang-undang mengikut prosiding pendakwaan am dan perbicaraannya. Selain dari itu, kewibawaan dan syakhsiyah kadi sentiasa dilihat sebagai tidak berperanan dan tergugat, apabila keputusannya di bawah endos hakim sivil menyebabkan sambutan masyarakat terhadapnya berkurangan.

I. Struktur Mahkamah Syariah Dalam Mahkamah Sivil Thai.

Kerajaan Thailand telah mengadakan satu penyusunan dan pentadbiran mahkamah di Negara Thailand. Berdasarkan satu sistem penyusunan mahkamah-mahkamah keadilan, pindaan tahun 1934m. (*Organization of Courts of Justice, 1934*) bahawa mahkamah-mahkamah di Thailand dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu: ¹

1. Mahkamah Rendah.
2. Mahkamah Rayuan.
3. Mahkamah Tinggi.

I. Mahkamah Rendah / Mahkamah Pertama.

Mahkamah di peringkat ini terdapat sebuah mahkamah di setiap wilayah di Thailand, kecuali di kota Bangkok dan di wilayah Tonburi, masing-masing terdapat dua buah mahkamah, memandangkan keluasan kawasan berkenaan yang tidak tertampung dengan satu mahkamah. Bagaimanapun mahkamah ini dibahagi pula kepada tiga bahagian iaitu:

- a) Mahkamah Wilayah.
- b) Mahkamah Majistret.
- c) Mahkamah Juvana.

i) Mahkamah Wilayah.

Mahkamah ini juga wujud di setiap wilayah di negara Thailand. Ia mempunyai bidang kuasa melihat kes-kes sivil, kontrak, jenayah dan juvana sekiranya tidak ada mahkamah juvana di wilayah tersebut. Undang-undang yang digunakan

¹ Mohd.Zawawi Salleh(1979), *Undang-undang Islam di Patani Selatan Thailand*, Tesis sarjana sesi 1978/1979, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.52-57.

dalam mahkamah tersebut adalah undang-undang Thai yang diperlakukan di seluruh mahkamah di negara Thai dalam semua kes, samada yang melibatkan orang Islam atau yang bukan Islam, kecuali di empat wilayah selatan iaitu wilayah Patani, Jala, Narathiwat dan setul, diperlakukan undang-undang Islam dalam kes yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka, di mana dilantik dua orang hakim syar'ie untuk duduk bersama hakim sivil sebagai penasihat kepada hakim sivil dalam kes-kes berkenaan.

Bilangan hakim sivil yang menduduki mahkamah ini tidak kurang dari dua orang hingga sepuluh orang hakim. Bilangan hakim adalah terhenti di atas kehendak kes yang diangkat, bagaimanapun bilangan kadi di setiap mahkamah di empat wilayah selatan dihadkan hanya dua orang sahaja.

ii) Mahkamah Majistret.

Mahkamah ini yang paling banyak menerima kes-kes yang diajukan, sehingga terdapat di Bangkok tiga buah mahkamah dan satu di Tonburi. Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa melihat kes-kes sivil yang nilainya tidak lebih dari 2,000 Bath dan kes-kes jenayah yang hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi 6,000 Bath atau kedua-duanya sekali.

iii) Mahkamah Juvana.

Mahkamah ini telah ditubuhkan pada tahun 1951m. dengan peruntukan undang-undang bagi Mahkamah Juvana. Mahkamah jenis ini hanya terdapat di kota Bangkok, Songkhla dan Nakhon Rajsima. Penubuhan mahkamah ini bertujuan untuk menangani masalah kanak-kanak bawah umur yang melakukan kesalahan.

II. Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuana adalah mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Rendah yang hanya berada di kota Bangkok sahaja. Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa melihat semula kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah untuk diulang bicara bagi mencapai kata putus terakhir. Keputusan yang dikeluarkan adalah secara majoriti penal hakim, dalam bentuk, samada menyetujui keputusan yang sedia ada atau membuat keputusan baru. Ia juga akan membuat semakan terhadap hukuman gantung mandatori atau penjara seumur hidup. Bagi ketua mahkamah ini berhak memindahkan perbicaraan dari satu mahkamah ke satu mahkamah yang lain atau mengumpulkan kes-kes yang serupa untuk dibicarakan di dalam satu mahkamah.

III. Mahkamah Tinggi.


Mahkamah ini adalah mahkamah yang tertinggi antara mahkamah-mahkamah yang ada. Mahkamah ini diduduki oleh seorang hakim sebagai presiden, dua hakim lain sebagai timbalan dan tiga puluh hakim sebagai anggota. Untuk mengadakan perbicaraan dalam mahkamah ini mesti dihadiri oleh tiga hakim, tetapi dalam sesetengah kes cukup dengan seorang hakim. Manakala keputusan yang dikeluarkan adalah muktamad dan terakhir, bagaimanapun dalam kes-kes jenayah boleh dibatalkan dengan adanya campur tangan atau pengampunan daripada raja.

Carta Oraganisasi Mahkamah di Thailand



Sumber : Mahkamah Wilayah Narathiwat.

Carta Oraganisasi Mahkamah Wilayah Narathiwat



Sumber : Mahkamah Wilayah Narathiwat.

Mahkamah Wilayah Narathiwat sebagai sebuah mahkamah rendah, di ketuai oleh ketua hakim dari barisan hakim yang terdiri daripada lapan orang hakim dan dua orang kadi. Mengikut carta yang dipaparkan di lobi Mahkamah

Wilayah Narathiwat, menunjukkan bahawa barisan hakim yang ditempatkan oleh ketua hakim mahkamah mempunyai kedudukan yang sama taraf, tetapi kedudukan dua orang kadi pula mempunyai taraf yang lebih rendah yang boleh ditafsirkan sebagai penasihat atau perunding dalam undang-undang Islam kepada hakim-hakim yang bersidang ketika membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam dan pusaka yang melibatkan orang Islam.

Kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka yang melibatkan orang Islam yang diajukan ke Mahkamah Wilayah Narathiwat akan di bicarakan di hadapan dua orang hakim sivil dan salah seorang kadi sebagai penasihat hukum Islam kepada hakim sivil yang akan memberi kata pemutusan. Manakala proses pendakwaan dan pemfailan kes akan dikendalikan oleh pegawai sivil mahkamah berkenaan yang diketuai oleh seorang ketua pentadbir bersama ketua-ketua unit bawahan yang berkaitan mengikut tatacara undang-undang sivil Thai.

2. Bidang Kuasa Kadi Menurut Peruntukan Undang-undang Thai.

Perlantikan kadi oleh pihak berkuasa Thai pada dasarnya sebagai penasihat kepada hakim-hakim sivil Thai dalam kes kekeluargaan dan pusaka yang melibatkan orang Islam di Narathiwat dan tiga wilayah Selatan Thai yang lain. Keputusan yang dibuat oleh kadi-kadi itu bukan sebagai keputusan terakhir, malah keputusan finalnya adalah di tangan hakim-hakim sivil jua, mereka boleh mengambil atau menolak keputusan itu. Kawalan yang sedemikian menunjukkan bahawa bidang kuasa kadi di sekat dengan peraturan yang ketat, sehingga kuasa pemutus hampir tidak ada sama sekali, hanya diberi ruang untuk membincangkan kes mengikut prosedur biasa supaya dapat difahami oleh hakim sivil dan

keputusan perbincangan akan dipertimbangkan oleh hakim tersebut, samada menerima atau menolaknya. Cuma jika keputusan hakim didapati telah menyalahi keputusan kadi, maka pihak yang bersengketa berpeluang untuk membuat rayuan kes ke Mahkamah Tinggi yang tidak dihadiri oleh kadi. Keadaan ini jelas terkandung dalam kata; kadi sebagai penasihat undang-undang Islam kepada hakim sivil Thai.

Bagaimanapun pelimpahan bidang kuasa ini telah memberikan kuasa kepada kadi atau "*Dato' Yutitham*" untuk membicara dan memutuskan hukum dalam kes-kes kekeluargaan dan pusaka yang melibatkan orang Islam dan mengangkat taraf hukum yang diputuskan setelah ada pengesahan hakim sivil, sebagai hukum rasmi dan diperakui oleh pemerintah.² Semua pihak wajib mematuhi dan menghormati hukum itu, melainkan jika ada hukum baru dari kuasa yang lebih tinggi. Hukuman yang mengikat ini tidak terdapat pada keputusan dan penyelesaian yang dibuat oleh para pemuka agama yang lebih menarik minat masyarakat untuk menyelesaikan kes mereka secara damai (*Tahkim*), kerana hukuman dalam bentuk ini akan terbubar, bila salah satu pihak mencabar keputusan itu di hadapan mahkamah kadi.³

Dalam peruntukan undang-undang pelaksanaan hukum Islam yang dikeluarkan pada 19hb. November 1946m. telah menggariskan kedudukan kadi

² Kemeterian keadilan(1986), *Pramual Cariyatham Kharajkarn Tulakarn*, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.93.

³ Surin Pitsuwan(1989), *Islam Di Muang Thai, Nasionalisme Melayu Masyarakat Patani*, Penterjemah: Hasan Basari, Pengantar: M.Dawam Rahardjo, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, (LP3ES), h.108.

dan bidang kuasanya dalam membicarakan kes-kes yang diajukan. Menurut Fasal

III bahawa:

“Dato’ Yutitham (Kadi) dalam menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan keluarga Islam dan pusaka yang diajukan ke Mahkamah di wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satul, hendaklah pihak yang mendakwa atau yang didakwa terdiri daripada orang Islam. Dalam hal ini, Dato’ Yutitham mesti menyelesaikan kes mengikut hukum Islam, kecuali dalam masalah umur harta pusaka (yang melebihi tempoh satu tahun) akan dibicarakan menurut undang-undang sivil”.

Dalam Fasal IV pula menyatakan bahawa:

*“Dato’ Yutitham, dalam perbicaraan mahkamah, hendaklah salah seorang dari mereka berada disamping hakim Thai ketika menyelesaikan kes, serta menandatangani bersama hakim Thai akan keputusan yang diambil. Setiap keputusan yang dibuat oleh Dato’ Yutitham adalah keputusan muktamad, tidak dibenarkan membuat rayuan atau ulang bicara”.*⁴

Dari peruntukan undang-undang dalam akta pelaksanaan undang-undang Islam tahun 1946m. yang terkandung dalam fasal I-VI menunjukkan bahawa:

1. Kadi mempunyai bidang kuasa menyelesaikan kes yang diangkat di mahkamah-mahkamah wilayah; Patani, Narathiwat, Yala dan Satul

⁴ Kementerian Keadilan(1982), *Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya’la Lea’ Satul*, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.293.

sahaja. Manakala kes-kes dari kawasan lain tidak akan dibicarakan dengan undang-undang Islam.

Bidang kuasa kadi dibataskan dengan kawasan tertentu sahaja,⁵ kadi berkenaan tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes yang diangkat di mahkamah di luar kawasan ini, walaupun ia melibatkan orang Islam. Jadi orang Islam yang berada di kawasan selain empat wilayah selatan, tidak diberi hak oleh pemerintah untuk menikmati undang-undang Islam, sekalipun dalam skop kekeluargaan dan pusaka, kecuali pihak-pihak yang bersengketa masing-masing bersetuju untuk mengangkat kes ke mahkamah kadi di wilayah selatan. Setakat ini belum pernah ada kes orang Islam yang dibawa dari luar kawasan untuk dibicarakan di mahkamah kadi di Narathiwat.⁶

2. Kadi hanya mempunyai bidang kuasa dalam menyelesaikan kes-kes Mal keluarga Islam dan pusaka yang disenaraikan di bawah bidang kuasa kadi, manakala kes-kes yang tidak digolongkan di bawah bidang kuasanya seperti kes nafkah isteri dan pusaka yang umumnya melebihi setahun, maka ia akan dibicarakan mengikut hukum sivil Thai.

Pembatasan bidang kuasa ini adalah bentuk pembatasan jenis kes tertentu, kadi tidak diberi bidang kuasa ke atas kes yang selain itu, seperti kes-kes jenayah dan kontrak, termasuk pembatasan dari sudut masa hidup kes, bila suatu kes sudah kehabisan tempoh, maka ia terkeluar dari bidang kuasa kadi. Begitulah kedudukannya apabila sebarang kes jenayah yang dilakukan oleh seorang Islam, maka kes itu akan diajukan kepada mahkamah kerajaan mengikut undang-

⁵ Mahmud Saedon A.Othman (Dr.)(1991), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan bidang kuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.96.

⁶ Pengecualian itu telah ditegaskan oleh Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Mahkamah Narathiwat. *Op.cit.*

undang Thai. Mahkamah kadi tidak diberi bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes berkenaan. Demikian juga dalam soal jualbeli dan kontrak, sebarang pertikaian berlaku akan dirujuk kepada undang-undang sivil Thai, sebagai contoh sesetengah kontrak tidak dikira berlaku secara sah dari segi undang-undang melainkan setelah didaftarkan kontrak berkenaan di pejabat kerajaan yang berkaitan seperti sewabeli hartanah dan sebagainya.⁷

Undang-undang Islam di Malaysia juga hanya tertumpu kepada undang-undang keluarga, harta khairat, hasil-hasil keagamaan, tempat-tempat ibadat dan Mahkamah Syariah sahaja. Peruntukan ini sudah diterima oleh rakyat tempatan dan pihak berkuasa Islam persekutuan sebagai suatu lanjutan daripada kedudukan undang-undang Islam di zaman penjajahan Inggeris dahulu.⁸

3. Keputusan kadi dalam kes di bawah bidang kuasanya mesti mendapat persetujuan dan ditandatangani bersama dengan hakim sivil Thai. Oleh kerana kadi adalah sebagai penasihat kepada hakim Thai, maka keputusannya berada di bawah pertimbangan hakim itu, ertinya keputusan kadi boleh diterima dan boleh ditolak. Segala final hukum berada di tangan hakim sivil belaka.

Pembatasan ini jelas menunjukkan bahawa kadi seolah-olah tidak mempunyai bidang kuasa dalam kehakiman, malah hanya bertindak sebagai penal dalam perbincangan kes yang bertanggungjawab memberi nasihat kepada

⁷ Hasan Abdul Kadir Husen(1993), *al-Muslimūn Fī Thailand : Dirāsah Fiqhiyyah Wa Taṭbīqīyyah*, Tesis Sarjana 1993m. Universiti al-Malik Sa'ūd, Riyād, Saudi Arabia.h.209.

⁸ Hamid Jusoh (1992), *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Terhadap Kes-kes Kontroversi Dalam Undang-undang Keluarga*, terjemahan: Raja Rahawani Raja Mamat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.

hakim sivil Thai untuk membuat keputusan kes.⁹ Kalau dalam kehakiman Islam digelar sebagai “*al-A'awān*” (Pembantu hakim) atau digolongkan dalam kumpulan “*Ahl al-'Ilm Wa al-Faql*” (‘Ulama’ dan para profesional) yang ditugaskan untuk memberi pandangan kepada hakim dalam bidang berkaitan.¹⁰

4. Dalam persidangan mahkamah, hanya salah seorang kadi dijemput duduk bersama dua orang hakim Thai sebagai pemberi nasihat dalam kes berkaitan, malah jika pendapatnya bertentangan dengan pendapat hakim Thai, ia boleh dikeluarkan dari persidangan tersebut.

Kedudukan kadi dalam keadaan ini amat lemah dan tidak bermoral, sekaligus tidak patut digelar sebagai kadi, tetapi hanya sebagai perunding undang-undang syariah semata-mata, yang diambil bekerja secara kontrak dan bersifat sementara sahaja. Ini bertentangan dengan konsep pegawai tetap sebagai kadi, tetapi tidak pula bertentangan dengan konsep penasihat yang menjadi tujuan perlantikannya.

Bagaimanapun menurut mantan kadi Narathiwat, Dato’ Wan Husein bin Dato’ Wan Abd.Rahman bahawa kadi diberi kuasa penuh untuk membuat keputusan dalam perbicaraan yang melibat kes kekeluargaan Islam dan pusaka orang Islam. Keputusan yang bertepatan dengan garis undang-undang yang ditentukan dalam kanun Islam, tidak pernah ditolak oleh hakim Thai dan keputusan itu adalah muktamad.¹¹

⁹ Komen sedemikian turut diberikan oleh En.Ibrahim Umar, Ketua Pentadbiran Mahkamah Wilayah Narathiwat, semasa penulis membuat temubual dengan beliau di pejabatnya pada Rabu 18hb. Februari 2004.

¹⁰ Abdul Karim Zaidān (Dr.)(1995), *Nizām al-Qaḍā’ Fī al-Syarī’ah al-Islāmīyyah*, cet.3, Amman Jordan: Dār al-Basyir Li al-Nasyr Wa Tawzi’, h.55.

¹¹ Hasil temubual penulis dengan Dato’ Wan Husein, mantan kadi Narathiwat. *Op.cit.*

5. Keputusan kadi yang diambil oleh hakim Thai untuk membantu keputusan akhirnya adalah sebagai keputusan muktamad yang tidak boleh diulang bicara, sekiranya keputusan itu sudah ditandatangani bersama antara kadi dan hakim Thai.

Tetapi sekiranya keputusan hakim Thai didapati bertentangan dengan apa yang diputuskan oleh kadi sebagai saranan, maka pihak yang bersengketa berhak mengulangbicarakan kes atau membuat rayuan kes.¹² Bagaimanapun hak rayuan ini amat tipis, kerana pembicaraan di mahkamah ulang bicara tidak dihadiri oleh kadi serta dipandu oleh undang-undang sivil Thai.

Keputusan kadi menjadi muktamad yang tidak boleh diulang bicara itu, jika sekiranya keputusan yang dibuat bertepatan dengan garis hukum syariah yang ditentukan. Tetapi jika keputusan dalam perkara yang masih samar, seperti dalam kes penama dalam suatu dokumen yang mendakwa sebagai waris, sedangkan pada hakikatnya penama tersebut bukan waris, maka kes sebegini boleh diulangbicara dengan menemukan bukti-bukti baru yang berkaitan. Bagaimanapun kemuktamadan keputusan kadi yang tidak boleh diulangbicara, amat tidak wajar, malah menyalahi etika kehakiman Islam.¹³

Sekali lagi penulis cuba menyimpulkan dari fakta di atas bahawa kadi yang hanya sebagai penasihat adalah merupakan cara kerajaan Thai untuk memberi sedikit perhatian kepada orang Islam di Wilayah Narathiwat dan wilayah-wilayah selatan yang lain. Oleh itu, permasalahan yang timbul dari orang

¹² Seksyen 4(3) Akta Pelaksanaan Undang-undang Islam 1946.

¹³ Hasil temubual penulis dengan Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Narathiwat. *Op.cit.*

Islam dipertanggungjawabkan kepada majlis agama Islam untuk mengendalikan kes-kes keluarga dan pusaka sebelum di angkat kepada Mahkamah,¹⁴ melainkan kes-kes yang tidak dipersetujui oleh pihak yang terlibat yang terpaksa mencari hukum yang mengikat. Ketundukan keputusan kadi kepada keputusan hakim Thai juga menjadikan kewibawaannya di mata masyarakat berkurangan, malah dilihatnya sebagai orang suruhan kerajaan semata-mata.

Disamping itu, keterikatan kadi dalam memantau hukum Islam dari kitab-kitab klasik mazhab Shafi'ie yang dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam mengeluarkan hukum, menjadikan penjana hukum tidak berkembang sebagaimana sepatutnya.¹⁵ Sedangkan masyarakat hidup dalam satu perkembangan yang lebih maju dengan pergerakan alam yang membentuk fenomena moden yang memerlukan penyelesaian baru sesuai dengan tuntutan semasa. Dengan itu hukum-hukum klasik perlu diberi satu olahan semula dan membuka luas kepada kadi untuk meneliti lebih banyak rujukan-rujukan yang menyeluruh dan kembali kepada sumber asli Islam. Dengan kata lain kadi diberi hak untuk berijtihad.

Menurut Dato' Nik Wan 'Ali, kadi diberi hak untuk membuat rujukan kepada sumber yang lebih luas, sekiranya tidak terdapat penyelesaian kes dari sumber yang ditentukan, tetapi kadi berkenaan harus bertanggungjawab sendiri

¹⁴ Hasil temubual penulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, En. Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

¹⁵ S. Wongsangiam (t.t.), *Kodmai Islam Wa-doi Krobkrua Moroduk*, Bangkok: S. Wongsangiam, h. 171.

di atas apa yang diputuskan itu, namun setakat ini, sumber yang ditentukan masih manpu menangani kes-kes yang diajukan oleh masyarakat setempat.¹⁶

Pada peringkat permulaan, penyelesaian kes yang sering berlaku di Wilayah Narathiwat, ketika menuntut satu keputusan hukum, terutama dalam bidang kekeluargaan dan pusaka, pihak yang terlibat akan merujuk perkara itu kepada pemuka-pemuka agama dalam kawasan tersebut seperti tok imam atau tok-tok guru pondok yang berhampiran. Keputusan mereka dipatuhi oleh pihak yang terlibat, tetapi jika keputusan dipertikaikan, tidak mendapat kata sepakat, maka sebagai kata akhir mereka terpaksa mengajukan perkara itu kepada pengadilan sivil yang keputusannya mengikat mesti dipatuhi oleh semua pihak, walaupun tidak secara Islam.

Sejarah seawal ini boleh juga dilihat dalam Kanun Mekala, di sana terdapat suatu mengamalan secara dualisme. Perlaksanaan hukum akan diberi pilihan, sama ada hendak menggunakan hukum adat atau hukum Allah SWT. Hal ini terdapat dalam Kanun Melaka 5.3; mengenai membunuh pezina:

*“Sekiranya pezina melarikan diri ke dalam halaman orang dan ...
Jikalau pemilik halaman bersemuka dengannya, dan dalam
pertengkaran itu kedua-dua pengejar dan pezina terbunuh, maka
tidak akan ada dakwaan. ...Ini adalah adat negeri. Tetapi*

¹⁶ Hasil temubual penulis dengan Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Mahkamah Wilayah Narathiwat. *Op.cit.*

mengikut hukum Allah, sesiapa yang membunuh akan dihukum bunuh.¹⁷

Apabila terbentuk jawatan kadi (*Dato' Yutitham*), maka keadaan masyarakat masih serupa iaitu penyelesaian kes secara damai atau masih merujuk kepada cara *Tahkim* dengan melantik pemuka-pemuka agama di sekitar itu, tetapi jika tidak mencapai kata sepakat dari kedua belah pihak, mereka akan merujuk kepada pengadilan kadi yang mengeluarkan keputusan yang mengikat, walaupun keputusan disebut oleh hakim sivil, namun jika sebutan hukum tidak bertepatan dengan apa yang diputuskan oleh kadi, maka keputusan itu boleh diulang bicara setelah mendapat persetujuan Gabenor Wilayah.

Hal keputusan kadi adalah mutlak dan tidak boleh diulang bicara, amat bertentangan dengan prinsip Islam kerana kemungkinan keputusannya pada kali itu tidak tepat dengan dipengaruhi persekitaran, seharusnya ia diberi hak membuat rayuan, 'Umar al-Khaṭṭāb dalam suratnya kepada Abu Musa :

" ولا يمنك قضاء قضيت فيه اليوم فراجعت فيه علك فهديت "

Maksudnya: "... keputusan (hukum) engkau pada hari ini, tidak menghalang engkau dari mengulang kajinya, moga-moga engkau akan mendapat petunjuk."¹⁸

¹⁷ Hamid Jusoh (1992), *Op.cit.* h. 7.

¹⁸ Sa'ūd bin Sa'ad bin Duraib (Dr.)(1403h.), *Risālah Fārūq Li Abi Mūsā al-'Asy'arī rd. Wa al-Mabādi' al-'Āmmah Fi Usūl al-Qadā'*, Riyad: Majallah al-Buhūth al-Islāmiyyah, Bil. 7, h. 235.

Pada umumnya bidang kuasa kadi yang dimandatkan oleh kerajaan Thai adalah terlalu sempit dan amat terbatas, berbanding dengan keluasan bidang kuasa kadi yang digambarkan oleh al-Māwardī (W.450h.) dalam *al-Aḥkāmnya* bahawa bidang kuasa kadi dari segi menjatuhkan hukuman dan menyelesaikan pertikaian adalah luas, seluas undang-undang Islam itu sendiri. Jika diperhatikan, hampir tidak ada perbezaan antara bidang kuasa kadi dengan wilayah *al-mazālim*, selain dari wilayah *al-mazālim* mempunyai kuasa menegakkan keadilan tanpa terikat pada peraturan dan acara yang ketat.¹⁹

3. Kedudukan Kadi dan Realiti Pelaksanaan.

Kadi yang dilantik oleh kerajaan Thai untuk duduk bersama hakim sivil dalam Mahkamah Wilayah Narathiwat bagi membicarakan kes-kes kekeluargaan Islam dan pusaka itu, adalah satu kedudukan yang memaksanya berada dalam satu situasi yang serba salah, walaupun pada hakikatnya, bidang kuasa seorang kadi itu hanya tertakluk kepada tauliah yang diberikan.²⁰ Beberapa faktor yang dikira sebagai penghalang dan menjadi hambatan kepada kerja-kerja penghakiman yang dikehendaki oleh Islam, antaranya ialah:

1. Skop pembatasan sumber pengambilan hukum yang ditentukan oleh pihak pemerintah dengan batas-batas yang sempit. Ini sebagai suatu halangan yang menyekat kebebasan kadi dari berijtihad atau memantau lebih banyak sumber-sumber penulisan sarjana Islam moden ketika

¹⁹ al-Māwardī, Abī al-Hasan 'Alī bin Muḥamad bin Ḥabīb (t.t), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, h.70,77., Mahmud Saedon A.Othman(1998), h.94.

²⁰ Mahmud Saedon A.Othman(Dr.)(1998), *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.23.

menghadapi fenomena baru yang memerlukan keputusan hukum dalam bentuk baru.

Denagn pembatasan sumber rujukan yang ditentukan kepada kadi seperti yang dinyatakan dalam bab yang lepas, menjadikan peranan kadi hanya bertindak sebagai menyesuaikan hukum yang ada dengan kes yang dikemukakan dan membacanya sebagai satu keputusan yang wajib dipatuhi. Kedudukan kadi dalam tahap ini adalah bersesuaian dengan syarat kelayakan kadi yang ditentukan dalam peruntukan Akta Pegawai Kehakiman 1978m.,²¹ tetapi amat tidak tepat dengan syarat berilmu bagi seorang kadi yang digariskan oleh 'ulama' Islam.²² Jika seorang kadi itu cuba mencari penyelesaian daripada sumber selain dari yang dibataskan itu, setelah tidak ditemui dari sumber yang ada, maka ia harus bertanggungjawab sendiri, malah keputusan itu boleh dibantah dan dipinda dengan diulang bicara kes berkenaan.²³

2. Tahap kemampuan kadi itu sendiri juga boleh dianggap sebagai suatu halangan, kerana kesediaan kadi harus mantap dan mampu memberi penyelesaian yang memuaskan terhadap kes-kes yang diajukan sesuai dengan tuntutan semasa. Sepertimana yang dijelaskan oleh Akta Pegawai Kehakiman dalam seksyen 5(2) tahun 1978m. bahawa:

²¹ Visit Limanon(1982), *Dato' Yuttitham*, dalam Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya'la Lea' satul, Bangkok: Kementerian Keadilan, h.360.

²² Mohamad Ra'fat Uthmān(Dr.)(1994), *al-Nizām al-Qadā'y Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Cet.2, al-Kahirah: Dār al-Bayān, h.176.

²³ Hasi temubual penulis dengan Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Mahkamah Wilayah Narathiwat. *Op.cit.*

"Seseorang calon Dato' Yutitham hendaklah mengetahui hukum Islam, agar mampu menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan keluarga Islam dan pusaka".²⁴

Peruntukan di atas tidak menyatakan kelayakan-kelayakan dan tahap kelulusan tertentu bagi calon untuk menjawab sebagai kadi, siapa saja boleh menjawab jika ada pengaruh dalam mesyarakat kerana calon-calon akan dipilih oleh Tok-tok Imam di wilayah berkenaan, jadi siapa yang mendapat undi terbanyak, dialah sebagai calon yang akan disahkan oleh pihak kehakiman, disamping itu calon hendaklah mampu menguasai kitab-kitab klasik yang ditentukan.

Tetapi dalam realiti pelaksanaan sekarang, seorang calon hanya perlu mempersiapkan diri dengan dua bidang kemahiran, kemahiran terhadap hukum-hukum Islam yang dikanunkan itu dan kemahiran dengan undang-undang Thai bersama prosedurnya, tanpa mengambil kira tentang kedudukan calon dalam masyarakat kerana pemilihan calon kadi adalah melalui peperiksaan, siapa yang cemerlang dalam ujian tersebut dialah yang akan dilantik sebagai kadi. Cara ini bersalahan dengan peraturan awal bagi tujuh kepala negeri yang menghenhaki kadi itu dari orang yang berpengaruh dalam masyarakat, tambahan pula ia tidak mendapat mandat langsung dari wakil masyarakat Islam.²⁵

²⁴ Kementerian Keadilan(1982), *Op.cit.* h.295.

²⁵ Hasi temubual penulis dengan Dato' Wan Husein, mantan kadi Narathiwat. *Op.cit.*

3. Hukum Islam dan undang-undang sivil Thai berbeza dan bertentangan, sebagai contoh hukum perkahwinan yang didaftarkan dalam undang-undang Thai dikira sah pada isteri yang pertama sahaja dan tidak dikira sah pada perkahwinan berikutnya, sebagaimana apa yang disebut dalam undang-undang Thai:

“Seorang lelaki hanya boleh berkahwin dengan satu isteri”²⁶

Begitu juga dalam masalah pusaka dan wasiat yang sifatnya berlainan dengan apa yang terdapat dalam undang-undang Thai. Bila berlaku pertentangan antara undang-undang Islam dan undang Thai, maka yang di perkirakan pada waktu itu ialah undang-undang sivil Thai. Ini bererti bahawa sebagai kata terakhir dalam sesuatu pertikaian ialah undang-undang sivil Thai bila berdepan dengan undang-undang Islam.

Ini sebagai suatu realiti kehakiman Islam yang berlaku di Narathiwat dan tiga wilayah lain di Selatan Thai. Suatu hakikat yang harus diterima oleh semua pihak bahawa antara undang-undang Islam dan undang sivil Thai sudah tentu ada perbezaan, samada dari segi konsep atau dari segi pelaksanaannya. Dalam realiti yang ada disini adalah undang-undang Thai mengatasi undang-undang Islam. Keadaan ini menjadi lebih ketara apabila kes-kes kontroversi yang diangkat ke hadapan kadi yang melihatnya dengan menggunakan undang-undang Islam akan mendapat keputusan yang berbeza jika diangkat lagi ke hadapan hakim sivil Thai yang tentunya menggunakan undang-undang Thai.

²⁶ Adul bin Saad (1982), *Karn Chai Kodmai Islam KiaukabKrobkrua Morodok*, dalam Karn Samana Karn Chai Kodmai Islam Nai Khet Changwat Patani, Narathiwat, Ya'la Lea' satul, Bangkok: Kementerian Kehakiman, h.377.

Kedudukan kadi amat rapuh, sentiasa berada dalam perhatian atasan yang mempunyai wakil untuk memantau pergerakan kadi dalam menjalankan kerja-kerjanya, mungkin kedudukan kadi terdedah kepada penilaian peribadi pemantau sebagai satu konspirasi rakan sepejabatnya untuk tujuan penyingkiran, atau di atas sebab-sebab haluan politik. Hal ini boleh dilihat dalam kenyataan seksyen 6(2) Akta Pegawai Kehakiman 2000m., bahawa setiausaha Ahli Jawatan Kehakiman mempunyai bidang kuasa membuat laporan dan mengajukan kepada Jawatan Kuasa Kehakiman supaya kadi dilucutkan dari jawatannya dengan sebab-sebab yang munasabah. Setelah laporan itu diterima dan disetujui oleh jawatan berkenaan, maka pihak Yang Di Pertua Mahkamah Tinggi akan mengeluarkan perintah pelucutan jawatan kadi yang diajukan itu mengikut peraturan Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman. Tindakan memindahkan kadi kepada jabatan lain juga boleh dibuat oleh Yang Dipertua Mahkamah Tinggi dengan mendapat persetujuan kadi itu sendiri dan Ahli Jawatan Kuasa Kehakiman.²⁷

4. Prosiding Pendakwaan dan Perbicaraan Kes.

Aturan memfailkan kes di Mahkamah yang diadili oleh kadi, pada umumnya mengikut catatan terdahulu ialah pihak penuntut (Plaintif) akan mendaftar kes kepada pihak pendaftaran mahkamah, kemudian kes yang didaftar itu akan diserahkan kepada kadi untuk diselidiki, samada ia berkaitan dengan kes keluarga Islam dan pusaka atau tidak, jika tidak berkaitan, permohonan itu akan ditolak dan jika berkaitan, ia akan diterima untuk dibicarakan. Sebelum perbicaraan kes yang melibatkan orang Islam itu dimulakan, kadi dikehendaki

²⁷ Seksyen 53, Akta Pegawai Kehakiman 2000m.

bersumpah dan berikrar bahawa beliau akan membuat keputusan terhadap kes yang diajukan itu dengan undang-undang Islam. Bagaimanapun dalam perbicaraan kes kadi mesti mengikut peraturan biasa seperti mendengar hujjah, keterangan, saksi dan bukti-bukti lain.²⁸

Mana-mana pihak yang bersengketa dalam soal kekeluargaan Islam dan pusaka, berhak mendapat penyelesaian kes di Mahkamah Wilayah yang akan diadili oleh kadi dengan menggunakan undang-undang Islam. Pihak-pihak yang bersengketa atau wakilnya akan menjalani langkah-langkah seperti berikut.²⁹

1. Pihak yang terlibat mesti memfailkan kes dan mendaftarkannya di bahagian pendaftaran mahkamah dengan tuntutan yang tepat dan jelas;
2. Apabila kes sudah difailkan, pendaftar akan mengesahkan kes itu sebagai kes kekeluargaan Islam atau pusaka, kemudian fail itu diserahkan kepada kadi bagi mahkamah berkenaan untuk disemak, samada kes itu di bawah bidang kuasanya atau tidak;³⁰
3. Setelah daftar kes disahkan oleh kadi, maka ia akan diserahkan kembali kepada pihak pendaftar. Dengan perintah kadi, pendaftar akan memanggil pihak yang kena tuntutan (Defendan) hadir ke mahkamah bagi mendengar tuntutan yang dihadapkan dalam tempoh tujuh hari, jika gagal dihubungi, akan diiklankan melalui media massa, jika gagal juga, perbicaraan akan di adakan tanpa kehadiran yang kena tuntutan, jika yang

²⁸ Mohd.Zawawi Salleh(1979), *Op.cit.* h.58,59.

²⁹ *Ibid.* h.79-81.

³⁰ Dalam proses semakan kadi, kadi akan meminta jurubahasa untuk menterjemahkan daftar kes ke dalam bahasa Melayu, kemudian kadi akan menurunkan tandatangan dan cop mahkamah.

kena tuntutan dapat terima panggilan, maka ia akan diberi tempoh lima belas hari untuk memberi penjelasan;

4. Seterusnya kadi akan membuat laporan kes dalam bahasa Melayu yang satu salinan akan dihantar kepada pihak yang kena tuntutan serta memanggilnya hadir ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan;
5. Di mahkamah, pihak yang kena tuntutan akan memberi jawapan terhadap tuntutan yang dihadapkannya. Jawapan tersebut direkodkan oleh pendaftar, kemudian diterjemahkan rekod tersebut. Selepas itu ditentukan tarikh perbicaraan kes di hadapan kadi yang telah dipilih;
6. Pada hari perbicaraan kes, pihak pendaftar akan mencatat nama kadi yang akan membicarakan kes berkenaan, nama yang menuntut, nama yang kena tuntutan dan nama saksi. Catatan dibuat dalam bahasa Melayu, kemudian disalin ke dalam bahasa Thai. Catatan asal dan salinan akan ditandatangani oleh yang menuntut dan yang kena tuntutan, serta dicatetkan juga nama pencatat dan penterjemah.
7. Pada hari itu, setiausaha kadi akan mempersilakan pihak yang terlibat, termasuk saksi dan menjemput kadi untuk membicarakan kes. Hakim juga akan mengarahkan supaya pendaftar membawa semua rekod-rekod yang berkaitan kepada kadi.
8. Setelah berlangsung perbicaraan, kadi akan mengadakan mesyuarat untuk mengambil keputusan. Keputusan yang dibuat bersama salinan minit mesyuarat tersebut akan diserahkan kepada hakim untuk menyebut keputusan kes berkenaan. Keputusan kadi dan hakim, kemudiannya akan dihantar kepada Menteri Besar Wilayah untuk tujuan semakan dan rujukan.

Pada hakikatnya semua prosedur di atas dikendalikan oleh hakim-hakim sivil, kerana mereka lebih faham tentang prosedur am yang diperlakukan. Manakala kadi adalah sebagai penasihat kepada hakim Thai dalam soal kekeluargaan Islam dan pusaka, akhirnya menandatangani bersama akan keputusan yang dibuat oleh hakim.

Tetapi sebagaimana realiti pelaksanaan di Mahkamah Wilayah Narathiwat mutakhir ini pula bahawa prosedur pendakwaan dan pengfailan kes adalah mengikut aturcara umum yang digunakan dalam sebarang pemfailan kes. Tidak ada beza di antara kes keluarga dan pusaka Islam dengan kes-kes sivil yang lain. Sebarang kes yang melibat kehakiman kadi juga akan di bawa oleh seorang peguam yang menjadi wakil bagi pihak yang terbabit. Peguam tersebut tidak semestinya seorang muslim, malah boleh juga dibawa oleh peguam yang bukan Islam, kerana perjalanan kes untuk sampai ke Mahkamah Kadi adalah menurut prosedur umum. Apabila sampai ke peringkat perbicaraan, kes yang berkaitan dengan kekeluargaan dan pusaka orang Islam akan dibicarakan oleh seorang kadi yang dipilih bersama dua orang hakim sivil yang akan menyebut keputusan kadi setelah menandatangani bersama di atas keputusan tersebut.³¹

Manakala dari sudut bahasa yang digunakan sekarang dalam semua urusan kehakiman, bermula dari proses pemfailan kes, sehinggalah kepada tahap keputusan kadi dan penyebutan hukum, adalah dibuat dalam Bahasa Thai, termasuk semua sistem rekod. Tetapi jika terdapat pihak yang terlibat dalam

³¹ Hasil temubual penulis dengan Dato' Abdullah Wan Midin, kadi Mahkamah Wilayah Narathiwat. *Op.cit*

proses pembicaraan kes berkenaan, tidak memahami bahasa Thai, maka pihak mahkamah telah menyediakan penterjemah untuk tujuan tersebut. Perkembangan ini berlaku sejajar dengan penguasaan kadi dan masyarakat dalam bahasa kebangsaan Thai. Ia diperlakukan semenjak tahun 1980an hingga ke hari ini, apa lagi kalau kes itu di bawa oleh peguam sivil.³²

Mengikut apa yang ditulis oleh Pi'chai Niltongkarm, dapat dirumuskan bahawa pihak Plaintiff melalui peguam yang dilantik akan mengemukakan tuntutan kepada hakim. Hakim akan meluluskan permohonan itu jika didapati betul dan tepat, kemudain hakim mengeluarkan waran perintah kepada Defendan supaya hadir ke mahkamah dalam tempoh 7 hari, bermula tarikh keluar perintah. Sekiranya gagal dihubungi secara biasa, panggilan akan dibuat melalui media massa, jika gagal juga, kes akan dibicarakan tanpa kehadiran Defendan. Tetapi jika Defendan didapati telah mengetahui panggilan tersebut, dia akan diberi tempoh 15 hari untuk memberi penjelasan dan jawapan terhadap tuntutan yang dihadapkan, samada diterima atau ditolak. Mahkamah akan memanggil saksi-saksi untuk memberi persaksian dalam tempoh 7 hari serta menentukan tarikh pemberian saksi. Dalam persaksian, mahkamah akan menyoal saksi mengikut undang-undang keterangan, penjelasan saksi akan dimaklumkan kepada kedua-dua pihak. Mahkamah akan memberi peluang terlebih dahulu kepada Plaintiff untuk menyatakan keterangan, kemudian peluang akan diberikan pula kepada

³² Hasil temubual penulis dengan Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Wilayah Narathiwat. *Op.cit.*

Defendan untuk membantah keterangan tersebut. Mahkamah berhak membuat keputusan di hari yang sama atau atau tarikh yang lain.³³

5. Peranan Kadi dan Reaksi Masyarakat Setempat.

Seorang kadi yang bertindak sebagai penyelesai dan pemutus sebarang persengketaan yang diajukan adalah mempunyai peranan yang besar di mata masyarakat. Melaksanakan amanah keadilan dalam perkhidmatan kehakiman akan menempa kedudukan yang tinggi dan di hormati, ditambahkan dengan sifat keputusan yang diambil oleh kadi wajib dipatuhi oleh semua pihak tanpa kecuali. Dalam masyarakat Melayu di Narathiwat khususnya dan masyarakat Melayu selatan Thai amnya, didapati kurang berminat untuk menyelesaikan persengketaan mereka secara formal, malah lebih berminat untuk merujuk perkara kepada cara *tahkīm* iaitu dengan menyerahkan keputusan kepada orang yang dihormati dan boleh diterima keputusannya oleh kedua belah pihak, biarpun keputusan yang dibuat hanya akan terlaksana sekiranya ada kerelaan dari pihak yang terlibat.

Peranan kadi akan lebih terserlah dalam masyarakat, apabila pihak yang bersengketa tidak boleh menyelesaikan kes dengan cara *tahkīm* dan ketika persengketaan lebih memerlukan kepada keputusan yang mengikat. Menyerahkan penyelesaian kepada keputusan kadi adalah sebagai jalan terakhir bagi menamatkan ketegangan yang timbul, sekalipun di bawah restu hakim Thai. Sebenarnya keputusan yang diambil oleh kadi tidak akan terlaksana melainkan

³³ Pi'chai Niltongcarn(2000), *Per'mual Kodmai Witi Fi'charana Khuam Feang*, Bangkok: Atataya Miliniam, h.123-133.

setelah mendapat bantuan dari pihak yang berkuasa, seperti pejabat-pejabat kerajaan, dan pihak berkenaan hanya akan mendengar perintah dari pihak berwenang sahaja iaitu hakim Thai. Oleh itu keputusan kadi amat memerlukan restu dari hakim Thai sebagai keputusan final, sekalipun dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan dan pusaka Islam.³⁴

Melihat kepada keadaan tersebut, martabat kadi harus dijaga dengan sebaik-baiknya oleh pihak yang bertanggungjawab atasan, termasuk kadi itu sendiri, agar keputusannya akan dipatuhi dan dihormati oleh masyarakat secara jujur dan ikhlas. Tetapi kalau kedudukan kadi terus tercabul dari sudut-sudut yang boleh mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap peranan dan keputusannya, seperti kebebasannya disekat ketat, terdedah kepada ancaman-ancaman birokrasi pemerintah, keputusannya sentiasa dipinggirkan dan sebagainya, maka keputusan kadi akan dipandang serong dan tidak murni, malah beberapa tuhmah dilimpahkan oleh masyarakat terhadap penjawatan kadi dan peranannya.

Pada umumnya masyarakat mengira bahawa 'ulama' yang bekerjasama dengan kerajaan Siam dan terus disponsorinya adalah sebagai orang yang berpihak dan bertunduk kepada arahan kerajaan. Inilah tanggapan rakyat tempatan terhadap mereka. Perkhidmatan mereka meraih simpati dari rakyat hanya semata-mata untuk kepentingan peribadi, disamping menjayakan rancangan kerajaan, sedang kepentingan rakyat selalu diabaikan. Tanggapan ini

³⁴ Surin Pitsuwan (1989), *Op.cit.* h.99.

menghalang rakyat Narathiwat dari menghormati 'ulama' sedemikian, sebagai contoh, pada Desember tahun 1975, pernah Chularajamonteri datang membuat lawatan rasmi ke Patani, di samping menziarahi saudara-saudara Islam di situ, tetapi kunjungan beliau tidak diberi sambutan yang sewajarnya oleh rakyat Patani, walaupun lawatan beliau sebagai satu lawatan menteri kerajaan dan sebagai ketua agama Islam di Thailand.³⁵

Tanggapan orang-orang Islam di Bangkok amat berbeza dengan pandangan masyarakat Melayu di Selatan Thai terhadap 'ulama' yang terlibat dalam birokrasi kerajaan. Orang-orang Islam di Bangkok menghormati Chula Rajmonteri (*Shaikh al-Islām*) sebagai ketua agama sama seperti orang Siam menghormati ketua agama Budhanya, tetapi umat Islam Melayu di Selatan Thai menghormati Chula Rajmonteri sebagai pemimpin Islam yang pantang bekerjasama dengan orang kafir.³⁶

Pada dasarnya kadi merupakan orang yang berpengetahuan dalam undang-undang Islam. Walaubagaimanapun terdapat kadi yang dilantik daripada keluarga yang berpengaruh yang mempunyai latar belakang pendidikan yang kurang normal. Dengan kerana itu kadi selalunya tidak diberi tumpuan oleh masyarakat, kebanyakan perbalahan yang melibatkan kekeluargaan dan pusaka diselesaikan oleh imam dan guru-guru agama dalam masyarakat. Umat Melayu tempatan menganggap perlantikan kadi menduduki mahkamah bukan Islam di

³⁵ Surin Pitsuwan (1989), *Op.cit.* h. 163.

³⁶ Wan kadir Che Man(1998), *Islam di Patani Semasa*, dalam Minoriti Muslimin di Thailand, Selangor: L.Minda, h. 72.

Narathiwat dan tiga wilayah Selatan Thai yang lain, bukanlah sebenarnya bertujuan untuk memenuhi kepentingan orang Islam, malah sekadar meraih simpati rakyat semat-mata.³⁷

Sedikit masa dahulu, sesetengah 'ulama' yang menjawat sebagai kadi di mahkamah bukan Islam itu sentiasa menerima tekanan dari masyarakat dan rakan-rakan 'ulama' mereka yang mempersoalkan tentang peranan dan kerjasamanya dengan kerajaan. Fenomena ini menunjukkan bahawa masyarakat lebih menghormati 'ulama' yang bebas dari telunjuk kerajaan kafir dan memandang hina terhadap 'ulama' yang memberi kerjasama dengan pemerintah dalam hal-hal keagamaan dan kehakiman.³⁸

Dalam masyarakat Melayu Narathiwat, peranan Majlis Agama Islam dalam masyarakat lebih menonjol dan berpengaruh, terutama yang melibatkan urusan masjid kerana perlantikan tok-tok imam di kampung yang mesti mendapat pengesahan dari Majlis Agama Islam adalah diterima baik oleh masyarakat.³⁹ Tetapi yang menjadi pokok kepada kewebawaan Majlis ialah kemandiriannya dalam pentadbiran yang langsung memberi khidmat kepada masyarakat, walaupun pada hakikatnya institusi itu adalah sebagai penasihat agama kepada Menteri Besar Wilayah. Lain halnya dengan kadi yang amat ketara tidak mandiri dan tunduk di bawah birokrasi pentadbiran Thai. Oleh itu masyarakat

³⁷ *Ibid.* h.74.

³⁸ Surin Pitsuwan (1989), *Op.cit.* h. 108.

³⁹ Hasil temubual penulis dengan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Mustafa bin Abdullah. *Op.cit.*

menganggap, keberadaannya di mahkamah bukan Islam itu bukanlah sebenarnya bertujuan untuk memenuhi kepentingan orang Islam.⁴⁰

Mr. Visit Limanon dalam satu kajian yang disampaikan dalam seminar pelaksanaan hukum Islam di empat wilayah pada tahun 1982m. menyatakan bahawa kajian yang dibuat selama 10 tahun iaitu antara tahun 1971m. hingga tahun 1980m. di empat wilayah adalah menunjukkan bahawa masyarakat tidak berminat dengan kehakiman kadi, penulis hanya memetik kes-kes di wilayah Narathiwat sahaja adalah seperti berikut:

Tahun	Kes yang tertunggak	Kes yang diterima baru	Jumlah kes	Kes yang diputuskan
1971	0	2	2	2
1972	0	8	8	5
1973	3	8	11	11
1974	0	11	11	11
1975	0	3	3	3
1976	0	0	0	0
1977	0	4	4	2
1978	2	7	9	5
1979	4	3	7	6
1980	1	4	5	4

Sumber: Kertas kerja seminar, Pelaksanaan Hukum Islam di Empat Wilayah Selatan Thailand tahun 1982, di bawah anjuran Kementerian Kehakiman.

Pada hemat penulis bahawa masyarakat Islam di Narathiwat dapat dibahagikan kepada dua golongan; satu golongan yang menerima dan reda dengan pemerintahan Thai di bahagian selatan dan mereka menganggap apa-apa yang dilakukan oleh pemerintah Thai adalah wajar diikuti dan diberi kepatuhan

⁴⁰ Wan kadir Che Man (1998), *Op.cit.* h. 74.

yang sepatutnya serta memberi dokongan terhadap pentadbiran dan perundangannya. Manakala golongan yang kedua bahawa pendudukan Thai di wilayah-wilayah selatan, termasuk wilayah Narathiwat tetap sebagai pendudukan yang tidak sah, lalu segala apa yang diperkenalkan oleh Thai tidak harus diberi sambutan, malah selalu mencari jalan keluar dan alternatif lain untuk menangani masalah mereka. Sebab itu mereka tidak berminat untuk mengajukan sebarang pertikaian mereka kepada pengadilan kadi yang berada di bawah pengelolaan Thai dan dianggap itu adalah sebagai satu helah dan pendekatan terhadap rakyat tempatan.

Anrata faktor kurang minat masyarakat terhadap pengadilan kadi ialah:

1. Keadaan setempat telah membentuk pemikiran dan budaya sesebuah masyarakat itu sendiri, begitu juga masyarakat Islam di Wilayah Narathiwat telah dibentuk oleh kehidupan yang bebas dengan kekuatan dalamannya sendiri, masing-masing menjaga keselamatan kehidupan tanpa mengganggu hak orang lain, jika ada pencerobohan hak akan mengakibatkan pemusuhan yang tidak tahu sudahnya. Sebagai tunggak pegangan ialah kebenaran dan hak, sebab itu mereka lebih suka mencari kebenaran dengan mengajukan kepada orang paling dipercayai oleh pihak yang terlibat di kawasan mereka seperti Tok Imam dan Tok Guru kerana mereka akan mendapat perlindungan seterusnya.
2. Masyarakat lebih menaruh kepercayaan kepada pemuka-pemuka agama di kawasan mereka daripada *Dato 'Yutitham*, kerana keputusannya tidak muktamad yang hanya mengharapkan pertimbangan hakim sivil, selain dari kadi itu dibataskan dengan sumber pengambilan hukum yang ditentukan, tidak berpeluang untuk berijtihad dengan cara yang betul. Sekiranya kadi

memberanikan diri untuk memantau sumber yang lebih luas, maka kadi harus bertanggungjawab sendiri dan akan terdedah kepada pindaan dalam sesi ulang bicara.⁴¹

3. Oleh kerana masyarakat kurang terdedah dengan urusan pendakwaan di mahkamah, maka penyelesaian kes di mahkamah yang mempunyai peraturan yang agak ketat itu boleh menghalang minat masyarakat untuk mengajukan kes ke mahkamah, mereka lebih memilih jalan yang mudah dan tidak banyak birokrasi kepejabatan, selain dari soal pembiayaan, malainkan kedudukan perkara telah sampai ke tahap yang kritikal yang memerlukan keputusan rasmi yang mengikat dan terjamin pelaksanaannya.

Selain dari itu, kadi juga berperanan memberi nasihat kepada pihak yang berbalah dalam sesi bicara dalam kamar kadi, supaya kes yang kurang kritikal sifatnya hendaklah diselesaikan secara damai melalui Majlis Agama Islam, jangan sampai menggadaikan harta dan maruah di bawah perbicaraan kehakiman rasmi, kerana ia hanya membawa akibat, yang menang akan menjadi arang dan yang kalah akan menjadi abu, sama-sama menanggung rugi dan perbalahan akan berpanjangan.⁴²

⁴¹ Hasil temubual penulis dengan Dato' Nik Wan 'Ali, kadi Mahkamah Wilayah Narathiwat. *Op.cit.*

⁴² Hasil temubual penulis dengan Dato' Abdullah Wan Midin, kadi Mahkamah Wilayah Narathiwat. *Op.cit.*